

## Konflik Persaingan: Tumpuan UMNO dan DAP di Johor dalam PRU 12 hingga PRU 14

*Competitive Conflict: Focus on UMNO and DAP  
in Johore, GE 12 to GE 14*

MUHAMMAD NAIM FAKHIRIN

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan persaingan UMNO dengan DAP dalam aspek politik di Johor. Walaupun UMNO dan DAP tidak bersaing secara fizikal untuk kerusi DUN mahupun Parlimen, namun persaingan kedua-dua parti ini dalam konteks politik di Johor secara tidak langsung memperlihatkan aspek perbezaan, terutamanya kumpulan sasaran serta pengundi kedua-dua parti tersebut. Dalam tempoh Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 hingga PRU 2018, persaingan antara UMNO dan DAP dalam politik Johor semakin sengit. Prestasi DAP berjaya meningkatkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada empat kerusi pada PRU 2008 kepada 14 kerusi pada PRU 2018 membuktikan DAP semakin meluaskan pengaruh di Johor. Situasi ini secara tidak langsung menyebabkan kedudukan UMNO di Johor tergugat. Walaupun kedua-dua parti ini tidak bersaing antara satu sama lain, namun dari segi matlamat politiknya sama iaitu UMNO mengetuai parti yang membentuk kerajaan, DAP mengetuai parti pembangkang kerana jumlah bilangan kerusi yang dimenangi paling banyak berbanding parti pembangkang yang lain. Objektif utama kajian ini adalah membuktikan perbezaan yang terdapat pada UMNO dan DAP dari aspek politikal kedua-dua parti ini yang kemudiannya menjadi faktor penting membolehkan DAP menguasai politik Johor. Hasil kajian ini mendapati enam faktor yang menjadi perbezaan dan mempengaruhi persaingan kedua-dua parti ini di Johor iaitu perbezaan umur pengundi, profesion ahli dan lokaliti penyokong. Bagi memperlihatkan kesinambungan dengan idea penulisan, kajian ini menggunakan kaedah penulisan sejarah dengan meneliti laporan rasmi dari kedua-dua parti, Suruhanjaya Pilihan Raya dan akhbar-akhbar arus perdana seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian sebagai sumber untuk penulisan.*

*Kata kunci: UMNO; DAP; Politik; Perbezaan; Johor*

### ABSTRACT

*This article discusses the competition between UMNO with DAP in political aspects in Johor. Although UMNO and DAP are not physically competing for state assembly or parliamentary seats, the competition between these two parties in the political context in Johor indirectly shows aspects of difference, especially the target groups and voters of the two parties. In the period from the 2008 General Election (GE) to the 2018 GE, the competition between UMNO and DAP in Johor politics became fiercer. DAP's performance in increasing the State Legislative Assembly (DUN) seats from four seats in the 2008 GE to 14 seats in the 2018 GE proves that DAP is expanding its influence in Johor. This situation indirectly caused UMNO's position in Johor to be undermined. Although these two parties do not compete with each other, but in terms of their political goals are the same i.e. UMNO leads the party that forms the government, DAP leads the opposition party because the total number of seats won is the most compared to other opposition parties. The main objective of this study is to prove the differences between UMNO and DAP from the political aspects of these two parties which later became an important factor enabling DAP to dominate Johor politics. The results of this study found six factors that are different and affect the competition between these two parties in Johor, namely the difference in the age of the voters, the profession of the members and the locality of the supporters. To show the continuity with the idea of writing, this study uses the method of historical writing by examining official reports from both parties, Suruhanjaya Pilihan Raya and mainstream newspapers such as Utusan Malaysia and Berita Harian as sources for writing.*

*Keywords: UMNO; DAP; Politics; Differences; Johor*

## PENGENALAN

Persaingan yang berlaku antara UMNO dengan DAP dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan terhadap politik di Johor secara tidak langsung memperlihatkan perbezaan terhadap kedua-dua parti ini. Perbezaan yang berlaku antara kedua-dua parti ini menjadi asas terhadap pembentukan identiti parti masing-masing. Sungguhpun begitu, perbezaan itu bukan sahaja merangkumi kepelbagaian ciri-ciri oleh parti masing-masing secara asas seperti UMNO mendokongi sokongan daripada masyarakat Melayu, manakala DAP mendokongi sokongan daripada masyarakat Cina, tetapi ianya juga merujuk kepada perbezaan terhadap kedua-dua parti ini melalui aspek pilihan raya (Welsh, 2022).

Penglibatan UMNO dan DAP dalam PRU memerlukan sokongan yang tinggi daripada pengundi untuk kelangsungan parti masing-masing mengorak langkah sama ada mereka diterima secara umum ataupun tidak. Keadaan ini sekaligus membuktikan pengundi dan penyokong memainkan peranan yang penting dalam menentukan kelangsungan parti masing-masing melalui PRU. Walau bagaimanapun, kumpulan pengundi ini bukan sahaja menjadi faktor terhadap penentuan kemenangan dan pengaruh sesebuah parti, malah menjadi subjek utama perbezaan terhadap persaingan politik UMNO dan DAP di Johor. Perbezaan berdasarkan kepada pengundi ini dapat dilihat melalui kumpulan umur pengundi, profesion dalam kalangan ahli dan lokaliti sokongan dari pengundi.

Tujuan penghasilan makalah ini adalah membuktikan persaingan antara UMNO dan DAP didorongi oleh beberapa faktor utama iaitu perbezaan umur pengundi, profesion ahli dan lokaliti penyokong. Faktor-faktor ini bukan sahaja membezakan UMNO dan DAP dari aspek strategi politik masing-masing, malah secara tidak langsung mempengaruhi keputusan yang diperoleh kedua-dua parti ini pada PRU 12 hingga PRU 14 di Johor. Berdasarkan kepada penganalisan awal yang dilakukan, faktor-faktor tersebut berjaya menjadikan DAP sebagai pesaing utama UMNO di Johor, sekaligus membuktikan parti itu berjaya menembusi politik Johor dalam masa negeri ini diberi gelaran sebagai ‘kubu UMNO’.

Selain itu, tujuan makalah ini ditulis adalah membuktikan persaingan politik di Johor tertumpu antara UMNO dan DAP berbanding persaingan UMNO-PAS atau UMNO-PKR dalam tempoh PRU 12 sehingga PRU 14. Walaupun UMNO dan DAP tidak berhadapan secara langsung sama ada untuk kerusi Parlimen ataupun DUN di Johor, (kecuali pada PRU 13 untuk kerusi Parlimen Gelang Patah), namun kedua-dua parti ini bersaing dengan hebat dari aspek politik pengaruh dan juga strategi masing-masing. Persaingan ini seterusnya memperlihatkan faktor-faktor yang dinyatakan tersebut dan perkara ini telah membezakan kedua-dua parti ini dari konteks persaingan dalam politik Johor.

## KAJIAN LITERATUR

Sungguhpun banyak kajian yang ditulis mengenai politik Malaysia terutamanya yang melibatkan Johor, namun aspek kajian masih lagi tertumpu mengenai UMNO kerana negeri ini sinonim dengan gelaran ‘kubu’ atau ‘deposit tetap’ bagi parti tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan aspek perbincangan dalam kajian terdahulu dibuat secara umum tanpa memperincikan bentuk persaingan atau tindakan yang direncanakan oleh parti tersebut bagi berhadapan dengan pihak lawan. Antara kajian tersebut adalah artikel oleh Madhi Hassan dan Hamdan Mohd Salleh yang bertajuk “PRU-14: Berakhirnya Era Kegemilangan Konsosiasionalisme”. Kajian ini

membincangkan mengenai kekalahan yang dihadapi oleh Barisan Nasional (BN) pada PRU 14. Walaupun begitu, kajian ini tidak memperincikan bentuk persaingan yang hadapi oleh BN, terutamanya persaingan yang dihadapi UMNO, dalam usaha untuk mempertahankan pengaruh parti tersebut di Johor (Madhi Hassan & Hamdan Salleh, 2021). Begitu juga dengan kajian oleh Kai Ostwald yang bertajuk “Electoral Boundaries in Malaysia’s 2018 Election Malapportionment, Gerrymandering and UMNO’s Fall”. Kajian ini membincangkan faktor utama yang menyebabkan UMNO tewas kepada Pakatan Harapan pada PRU 14 adalah persempadanan semula kawasan pilihan raya. Walau bagaimanapun, kajian tersebut membincangkan faktor kekalahan ini dalam konteks politik Malaysia secara umum dan tidak memperincikan dalam konteks politik negeri Johor (Ostwald, 2018).


Di samping itu, terdapat juga kajian yang memfokuskan mengenai politik masyarakat Cina di Johor namun aspek perbincangan yang dilakukan secara umum tanpa menyentuh persaingan yang berlaku antara parti kerajaan dan parti pembangkang. Antaranya adalah kajian oleh Kevin Zhang, John Choo dan Fong Sok Eng yang bertajuk *The Democratic Action Party in Johor: Assailing the Barisan Nasional Fortress*. Kajian ini membincangkan mengenai kebangkitan DAP terhadap politik di Johor. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya membincangkan mengenai kemenangan yang dicapai oleh DAP secara umum tanpa memperincikan faktor utama yang membolehkan parti tersebut menewaskan pesaing utama mereka iaitu MCA sekaligus menguasai pengundi Cina di Johor (Kevin Zhang, John Choo & Fong Sok Eng, 2021). Manakala kajian oleh Lee Hock Guan dan Nicholas Chan yang bertajuk *Electoral Politics and the Malaysian Chinese Association in Johor* membincangkan mengenai prestasi MCA di Johor sejak dari Tanah Melayu merdeka sehingga PRU 14. Walaupun kajian ini menyatakan MCA berjaya mendominasi politik masyarakat Cina di Johor, namun kajian ini tidak memperincikan tindakan yang dilakukan oleh parti tersebut bagi menghadapi persaingan yang dilakukan oleh DAP di negeri ini (Hock Guan & Chan, 2018).

Sehubungan dengan perkara tersebut, sebuah kajian baharu akan membincangkan politik di Johor dengan memperincikan persaingan yang dihadapi oleh UMNO, terutamanya daripada DAP, sekaligus dapat menunjukkan persaingan politik antara parti yang mewakili kerajaan dan parti yang mewakili pembangkang terhadap persaingan pengaruh politik di negeri ini.

## PERBEZAAN UMUR PENGUNDI

Kumpulan umur pengundi memainkan peranan yang penting dalam menentukan prestasi parti sama ada di peringkat DUN ataupun Parlimen. Setiap kali PRU diadakan, SPR membahagikan kumpulan umur pengundi sama ada untuk kerusi DUN mahupun kerusi Parlimen kepada tiga kategori iaitu pengundi muda, 21-39 tahun, pengundi dewasa, 40-59 tahun dan pengundi warga emas, 60 tahun ke atas. Berdasarkan kepada pecahan pengundi di Johor pada PRU 12, peratus pengundi muda adalah 34.6 peratus, iaitu 453,993 orang, pengundi dewasa adalah 55.2 peratus, iaitu 724,290 orang dan pengundi warga emas, 10.2 peratus, iaitu 133,836 orang. PRU 12 menjadi signifikan terhadap perbezaan kumpulan umur pengundi kerana peningkatan pengundi muda yang paling tinggi berbanding PRU 11 iaitu 310,229 orang kepada 453,993 orang pada PRU 12. Jumlah ini terus meningkat pada PRU 13 iaitu 594,695 orang dan PRU 14 iaitu 728,256 orang (SPR, 2018). Peningkatan pengundi muda ini mempengaruhi prestasi UMNO dan DAP kerana setiap kerusi DUN dan Parlimen yang ditandingi oleh kedua-dua parti itu berlaku keseimbangan antara kumpulan umur pengundi.

Kumpulan umur pengundi di Parlimen yang ditandingi UMNO berbeza-beza dan mempengaruhi keputusan yang dicatatkan oleh parti itu dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14. Daripada jumlah kerusi yang ditandingi oleh UMNO itu, sebanyak empat kerusi Parlimen yang didominasi oleh kumpulan pengundi muda iaitu Johor Bahru, Pasir Gudang, Batu Pahat dan Muar. Manakala selebihnya adalah seimbang antara ketiga-tiga kategori pengundi iaitu Sekijang, Pagoh, Ledang, Parit Sulong, Sri Gading, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Pulau dan Pontian. Manakala DAP pula, tiga kerusi Parlimen yang ditandingi parti itu didominasi oleh pengundi muda iaitu Bakri, Gelang Patah dan Kluang. Manakala tiga kerusi Parlimen yang lain adalah campuran keseimbangan umur, iaitu Ayer Hitam, Kulai dan Tanjong Piai (SPR, 2018).



*Sumber: Laporan Pilihan Raya Umum 2008, Keputusan Pilihan Raya Parlimen di Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2008; Laporan Pilihan Raya Umum 2013, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2013; Laporan Pilihan Raya Umum 2018, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2018.*

GRAF 1. Perbandingan Peratus Undian dari Pengundi Warga Emas terhadap UMNO dan DAP di Johor, PRU 12 hingga PRU 14

Perbezaan kumpulan umur di kerusi Parlimen yang ditandingi oleh UMNO dan DAP ini mempengaruhi keputusan yang dicatatkan oleh kedua-dua parti ini pada PRU 12 hingga PRU 14. Berdasarkan kepada Graf Satu, peratus pengundi warga emas yang mengundi UMNO adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus pengundi warga emas yang mengundi DAP. Peratusan undian dari pengundi warga emas yang tinggi ini membantu UMNO untuk mengekalkan kemenangan di kerusi yang mempunyai jumlah pengundi warga emas yang ramai. Pada PRU 12, sebanyak 90.7 peratus pengundi warga emas mengundi UMNO. Manakala pada PRU 13, 88.4 peratus pengundi warga emas mengundi UMNO dan pada PRU 14, jumlah pengundi warga emas yang mengundi UMNO adalah 89.2 peratus. Manakala peratus pengundi warga emas yang mengundi DAP jauh lebih rendah berbanding UMNO. Pada PRU 12, 13.4 peratus pengundi warga emas mengundi DAP. Manakala pada PRU 13, jumlah ini meningkat kepada 17.2 peratus pengundi warga emas mengundi DAP dan pada PRU 14, jumlah ini merosot sedikit kepada 14.9 peratus pengundi warga

emas mengundi DAP. Perbandingan jumlah ini menunjukkan UMNO lebih mendapat sokongan dari kalangan pengundi warga emas berbanding DAP dan jumlah ini menjadi perbezaan terhadap ukuran kekuatan pengaruh antara kedua-dua parti ini di Johor semasa PRU diadakan.


Pada PRU 14, jumlah undi dari pengundi warga emas ini yang mengekalkan kemenangan UMNO untuk di beberapa kerusi Parlimen yang ditandingi parti itu. Misalnya di Parlimen Sembrong, UMNO berjaya mengekalkan kemenangan untuk kerusi ini kerana pengundi warga emas di Parlimen ini berjumlah 9,975 orang, merangkumi 22.6 peratus daripada pengundi keseluruhan yang berjumlah 44,137 orang (P. Sembrong, SPR, 2018). Begitu juga dengan keputusan UMNO untuk Parlimen Pontian, pengekalan kemenangan di Parlimen ini kerana jumlah warga emas yang tinggi. Jumlah pengundi keseluruhan Parlimen Pontian adalah 55,570 dan sebanyak 25.9 peratus iaitu 14,392 orang pengundi warga emas di Parlimen ini cenderung untuk mengundi UMNO. Kemenangan tipis untuk UMNO di kerusi ini iaitu 883 majoriti undi ini diselamatkan oleh pengundi warga emas kerana pengundi muda dan dewasa kebanyakannya memberi undi kepada calon dari PKR yang memperoleh 20,299 undi (P. Pontian, SPR, 2018).

Selain itu, undi dari pengundi warga emas membantu UMNO untuk mengekalkan kemenangan di Parlimen Mersing. Dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14, UMNO masih mengekalkan kemenangan untuk kerusi ini. Faktor utama kekuatan UMNO dikerusi ini adalah jumlah pengundi yang terdiri dari peneroka FELDA yang ramai iaitu 41,663 orang daripada jumlah pengundi keseluruhan iaitu 48,176 orang. Namun begitu, jumlah majoriti yang dimenangi oleh UMNO, semakin merosot sejak PRU 12. Kemerosotan majoriti ini seiring dengan kemerosotan jumlah undi yang dicatatkan untuk UMNO. Pada PRU 12, UMNO memperoleh 20,116 undi dan menang di kerusi ini dengan majoriti 13,736 undi. Pada PRU 13, jumlah undi yang diperoleh UMNO, meningkat kepada 26,184 undi, begitu juga dengan majoriti, meningkat kepada 15,747 undi. Walau bagaimanapun, pada PRU 14, jumlah undi merosot kepada 19,806 undi, manakala jumlah majoriti merosot kepada 8,459 undi. Kemerosotan majoriti ini berlaku disebabkan oleh peningkatan pengundi muda di kerusi ini dan mereka lebih cenderung untuk mengundi calon dari PKR. Jumlah pengundi dewasa dan pengundi warga emas yang ramai, iaitu 35,482 orang dan rata-rata dari kumpulan ini mengundi UMNO, kemenangan di kerusi ini terjamin untuk UMNO walaupun berlaku kemerosotan kerana pengundi muda menolak UMNO (P. Mersing, SPR, 2018).

Berdasarkan kepada perbandingan peratusan tersebut, jelas menunjukkan UMNO lebih mendapat sokongan dalam kalangan warga emas. Faktor utama yang menyebabkan UMNO menguasai golongan ini berbanding DAP adalah penglibatan mereka dalam perjuangan UMNO sejak zaman sebelum merdeka (Bose, 2021). Mereka menolak perjuangan DAP kerana kebanyakan pengundi warga emas berbangsa Cina ini terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan bersama-sama MCA sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Oleh itu sokongan warga emas lebih cenderung terhadap UMNO dan sekutunya dalam BN. Pembabitannya mereka dalam sejarah penubuhan UMNO dan MCA secara langsung menyebabkan DAP gagal untuk mendapatkan sokongan dari kalangan pengundi warga emas.

Pengundi dari kumpulan dewasa turut mempengaruhi undi untuk UMNO dan DAP untuk kerusi yang mereka tandingi pada PRU. Umumnya, pengundi dewasa mendominasi kerusi DUN ataupun Parlimen kerana secara purata, peratusan kelompok ini sebagai pengundi adalah 50-60 peratus daripada jumlah pengundi keseluruhan (SPR, 2018). Berdasarkan kepada Graf Dua, peratus undi kumpulan pengundi dewasa sama ada untuk DAP ataupun UMNO berubah-ubah mengikut PRU yang diadakan. Peratus undi daripada pengundi dewasa terhadap DAP sentiasa meningkat dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14. Pada PRU 12, jumlah pengundi dewasa yang

mengundi DAP adalah 41.3 peratus. Jumlah ini terus meningkat pada PRU 13 iaitu 80.7 peratus dan 90.5 peratus pada PRU14. Selaras dengan peningkatan peratus undian dari kumpulan pengundi dewasa, jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi oleh DAP juga meningkat setiap kali PRU diadakan. Pada PRU 12, DAP hanya memenangi sebuah kerusi Parlimen iaitu Bakri dan empat kerusi DUN iaitu Bentayan, Mengkibol, Skudai dan Senai. Manakala pada PRU 13, sebanyak 80.7 peratus pengundi dewasa mengundi DAP membantu parti itu meningkatkan kemenangan terhadap empat kerusi Parlimen dan 13 kerusi DUN. Pada PRU 14, peratus pengundi dewasa mengundi DAP meningkat kepada 90.5 peratus dan jumlah ini mengukuhkan lagi kedudukan DAP dimana parti itu telah memenangi 14 kerusi DUN dan lima kerusi Parlimen (SPR, 2018).



*Sumber: Laporan Pilihan Raya Umum 2008, Keputusan Pilihan Raya Parlimen di Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2008, Laporan Pilihan Raya Umum 2013, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2013, Laporan Pilihan Raya Umum 2018, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2018.*


GRAF 2. Perbandingan Peratus Undian Pengundi Dewasa terhadap UMNO dan DAP di Johor, PRU 12 hingga PRU 14

Namun begitu, jumlah peratus pengundi dewasa yang mengundi DAP berbeza dengan peratus pengundi dewasa yang mengundi UMNO. Peratus pengundi dewasa yang mengundi UMNO merosot sejak PRU 12 dan terus berlaku sehingga PRU 14. Pada PRU 12, sebanyak 85.9 peratus pengundi dewasa mengundi UMNO dan jumlah ini menyumbang kepada kemenangan untuk 16 kerusi Parlimen kepada UMNO. Pada PRU 13, peratus pengundi dewasa mengundi UMNO merosot kepada 71.4 peratus. Kemerosotan ini menyebabkan UMNO mengalami kekalahan untuk kerusi Parlimen Batu Pahat dan menang tipis di Parlimen Pasir Gudang. Manakala untuk kerusi Parlimen yang lain, UMNO mengalami kemerosotan majoriti berbanding PRU 12. Misalnya di Parlimen Johor Bahru, UMNO memenangi kerusi Parlimen ini dengan majoriti 25,349 undi pada PRU 12, merosot kepada majoriti 10,134 undi pada PRU 13 (P. Pasir Gudang, SPR, 2018). Begitu juga dengan keputusan yang dicatatkan untuk Parlimen Pulaui, pada

PRU 12, UMNO memenangi kerusi ini dengan majoriti 20,449 undi merosot kepada majoriti 3,226 undi pada PRU 13 (P. Pulai, SPR, 2018).

Pada PRU 14, peratus pengundi dewasa mengundi UMNO terus merosot kepada 42.5 peratus dan kemerosotan ini menyebabkan UMNO kalah di sembilan kerusi Parlimen yang ditandingi oleh parti tersebut iaitu Sekijang, Pagoh, Ledang, Muar, Sri Gading, Batu Pahat, Pasir Gudang, Johor Bahru dan Pulai. Faktor utama yang mempengaruhi perubahan peratus undi dari pengundi dewasa ini disebabkan isu ekonomi. Secara purata, pengundi dewasa terdiri daripada golongan yang bergelut dengan kehidupan dan memiliki tanggungjawab yang tinggi terhadap keluarga. Oleh itu, pengundi dewasa melihat, mekanisme DAP dan PH yang menawarkan penghapusan GST menyumbang kepada golongan ini untuk mengundi mereka (Govindasamy, 2021).

Jumlah pengundi muda di kerusi Parlimen yang ditandingi oleh UMNO dan DAP turut menjadi perhatian terhadap perbandingan kedua-dua parti ini dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan politik masing-masing di Johor. Walaupun jumlah pengundi muda ini bukan majoriti untuk sesebuah kerusi Parlimen ataupun DUN, namun jumlah kumpulan ini menjadi penentu terhadap untuk kemenangan parti yang bertanding (Govindasamy, 2021). Graf Tiga menunjukkan peratus pengundi muda yang mengundi UMNO dan DAP di kerusi Parlimen yang mereka tandingi pada PRU 12 hingga PRU 14 di Johor. Peratus undi dari pengundi muda yang dicatatkan oleh UMNO jauh lebih rendah berbanding dengan peratus undi pengundi muda yang mengundi DAP dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14.



*Sumber: Laporan Pilihan Raya Umum 2008, Keputusan Pilihan Raya Parlimen di Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2008, Laporan Pilihan Raya Umum 2013, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2013, Laporan Pilihan Raya Umum 2018, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2018.*


GRAF 3. Perbandingan Peratus Undi Pengundi Muda terhadap UMNO dan DAP di Johor, PRU 12 hingga PRU 14

Peratus undi pengundi muda yang mengundi UMNO menunjukkan jumlah yang diperoleh tidak pernah melebihi 40 peratus, malah semakin merosot dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14. Pada PRU 12, UMNO memperoleh 39.3 peratus undi dari golongan muda. Pada PRU 13, jumlah peratus pengundi muda yang mengundi UMNO merosot kepada 35.7 peratus dan jumlah ini terus merosot kepada 30.5 peratus pada PRU 14. Jumlah peratus pengundi muda ini menjadi perbezaan terhadap DAP kerana peratus yang dicatatkan oleh DAP lebih tinggi berbanding peratus yang dicatatkan untuk UMNO. Peratus pengundi muda yang mengundi DAP semakin meningkat, malah pada PRU 14, jumlah itu jauh lebih tinggi mengatasi UMNO dan DAP hampir menguasai golongan pengundi muda secara keseluruhan. Pada PRU 12, peratus pengundi muda yang mengundi DAP adalah 65.8 peratus. Jumlah ini meningkat kepada 88.6 peratus pada PRU 13 dan terus meningkat kepada 95.6 peratus pada PRU 14 (SPR, 2018). Berdasarkan kepada statistik ini, jelas menunjukkan pengundi muda memberi sokongan terhadap DAP.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan perbezaan peratus undi dari kumpulan pengundi muda ini terhadap UMNO dan DAP. Antaranya adalah sikap dari pemimpin UMNO. Kemosrotan sokongan dari pengundi muda terhadap UMNO ini disebabkan sikap pemimpin parti itu yang lebih ke arah bersikap 'bangsawan' dan sukar didekati oleh golongan muda (Gomez & Nawab, 2020). Walaupun pemimpin UMNO telah banyak mengadakan program untuk merapati pengundi muda, namun mereka tetap cenderung untuk mengundi parti pembangkang. Pengundi muda melihat program anjuran UMNO lebih bersifat elit dan hanya dilakukan mengutamakan golongan atasan. Keadaan ini menyebabkan pengundi muda menganggap pemimpin UMNO lebih mengutamakan golongan dewasa. Keadaan ini menyumbang kepada peningkatan peratus undian kumpulan pengundi muda terhadap pembangkang di Johor, sekaligus membezakan penguasaan undi kumpulan ini antara UMNO dan DAP.

Selain itu, faktor umur keahlian melalui parti juga mempengaruhi peratusan undi daripada kumpulan umur pengundi warga emas, pengundi dewasa dan pengundi muda terhadap parti yang bertanding pada PRU. Sebagai sebuah parti yang telah lama ditubuhkan, UMNO memiliki ahli yang lebih ramai berbanding DAP. Namun mutakhir ini, terutamanya pasca PRU 12 selepas DAP berjaya menubuhkan kerajaan negeri di Selangor, Perak dan Pulau Pinang, jumlah keahlian parti tersebut di seluruh Malaysia, termasuk di Johor turut meningkat kerana keyakinan masyarakat terhadap parti itu semakin bertambah. Misalnya pada 2012, jumlah ahli DAP di Johor adalah 109,946 orang, meningkat kepada 190,665 orang pada 2017 (DAP, 2018). Peningkatan ini menjadikan persaingan politik antara parti pembangkang dan parti yang menerajui kerajaan semakin sengit di Johor. Keadaan yang berlaku ini turut mempengaruhi keputusan pilihan raya yang ditandingi.

Graf Empat menunjukkan perbezaan ahli berdasarkan kumpulan umur UMNO dan DAP dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14. Peratus keahlian kumpulan umur 18-39 tahun DAP semakin meningkat setiap kali PRU diadakan. Jumlah ini jauh berbeza berbanding peratus ahli UMNO kumpulan umur 18-39 tahun. Misalnya pada PRU 12, peratus ahli UMNO kumpulan umur 18-39 tahun adalah 17.4 peratus hanya meningkat kepada 19.2 peratus sahaja pada PRU 13 dan meningkat kepada 22.6 peratus pada PRU 14. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut berbeza berbanding peratus ahli kumpulan umur 18-39 oleh DAP. Peratus ahli DAP yang berumur 18-39 tahun pada PRU 12 ialah 31.5 peratus meningkat kepada 39.4 pada PRU 13 dan terus meningkat kepada 45.6 peratus pada PRU 14. Jumlah peratus ini jelas menunjukkan DAP lebih mendapat sokongan dari golongan yang berumur 18-39 tahun.



Sumber: Laporan Setiausaha Agung UMNO 2017, Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP 2017.

GRAF 4. Jumlah Peratus Ahli DAP dan UMNO Mengikut Umur di Johor, PRU 12 hingga PRU 14

Walaupun begitu, peratus ahli UMNO yang berumur 60 tahun ke atas berbeza dengan ahli DAP yang berumur 60 tahun ke atas. Peratus ahli UMNO 60 tahun ke atas lebih tinggi berbanding dengan jumlah ahli DAP yang berumur 60 tahun ke atas setiap kali PRU diadakan. Pada PRU 12, peratus ahli UMNO yang berumur 60 tahun ke atas ialah 31 peratus, manakala peratus ahli DAP yang berumur 60 tahun ke atas adalah 24.3. Manakala pada PRU 13, peratus ahli UMNO yang berumur 60 tahun ke atas adalah 24 peratus, manakala peratus ahli DAP untuk kumpulan umur yang sama adalah 10.9 peratus. Pada PRU 14, peratus kumpulan ahli umur 60 tahun ke atas adalah 18.2, manakala peratus ahli DAP dari kumpulan umur tersebut adalah 7.1 peratus.

Penurunan peratus untuk ahli UMNO dan DAP yang berumur 60 tahun ke atas ini disebabkan oleh kematian dan pertambahan ahli dari kelompok umur 18-39 tahun oleh kedua-dua parti. Walau bagaimanapun, perbandingan peratus ahli oleh kumpulan umur 60 tahun ke atas ini jelas menunjukkan UMNO lebih mendapat sokongan dari kumpulan ini berbanding DAP. Oleh itu untuk keputusan PRU sama ada di kerusi DUN mahupun Parlimen berdasarkan melalui Saluran Lima dan Enam di setiap PDM dikuasai oleh UMNO kerana kecenderungan pengundi berusia 60 tahun ke atas mengundi UMNO dan parti komponen BN (SPR, 2018).

Untuk ahli yang berumur 40-59 tahun, peratus dari golongan ini juga berbeza antara UMNO dan DAP. Pada PRU 12, peratus ahli UMNO yang berumur 40-59 adalah 51.6 peratus, manakala DAP adalah 44.2 peratus. Pada PRU 13, peratus ahli UMNO yang berumur 40-59 tahun adalah 56.8 peratus, manakala peratus ahli DAP dari kumpulan ini adalah 49.7. Pada PRU 14, peratus ahli UMNO dari kumpulan umur 40-59 tahun adalah 59.2 peratus, manakala ahli DAP dari kumpulan ini adalah 47.3 peratus. Berdasarkan kepada graf tersebut, peratus ahli DAP dari kumpulan ini merosot pada PRU 14 iaitu 47.3 peratus berbanding PRU 13 iaitu 49.7 peratus. Kemerosotan ini berlaku disebabkan oleh pertambahan ahli dari kumpulan muda.

Berdasarkan kepada jumlah ahli UMNO dan DAP kepada kumpulan umur ini, jelas bahawa UMNO memperoleh sokongan yang pada dari pengundi 60 tahun ke atas. Manakala DAP

memperoleh sokongan yang pada dari pengundi muda yang berusia 21 tahun ke atas. Namun begitu, jumlah ahli yang ramai oleh sesebuah parti ini tidak boleh dijadikan sebagai ukuran pengaruh kekuatan parti itu kerana kecenderungan pengundi sentiasa berubah berdasarkan kepada prestasi parti semasa diberi peluang untuk menjalankan tanggungjawab sebagai kerajaan. Misalnya pada PRU 14, jumlah ahli UMNO lebih ramai berbanding DAP iaitu 410,667 orang berbanding ahli DAP, 195,622 orang (UMNO, 2017). Walaupun memiliki ahli yang paling ramai di Johor, UMNO tidak berjaya mengekalkan pentadbiran di negeri ini dan kalah kepada DAP dan parti komponen dari PH. Kekalahan ini membuktikan jumlah ahli tidak mempengaruhi keputusan undi, sebaliknya prestasi parti itu yang menjadi peranan yang penting dalam menentukan keputusan parti yang bertanding.


## PROFESION AHLI

Profesion ahli terbahagi kepada dua iaitu kumpulan profesional dan bukan profesional. Pembahagian profesion ahli dalam parti ini bukan sahaja mempengaruhi keputusan pilihan raya, tetapi menjadikan perbezaan antara UMNO dan DAP dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan pengaruh politik masing-masing di Johor. Penyertaan rakyat Malaysia terutamanya dalam kalangan bangsa Melayu sebagai ahli UMNO mendapat sambutan yang menggalakkan kerana parti itu menerajui kerajaan Persekutuan dan negeri Johor sejak Malaysia memperoleh kemerdekaan (Ong Kian Ming, 2024). Oleh itu penyertaan ahli UMNO lebih tinggi berbanding parti pembangkang. Sehingga 2018, jumlah ahli UMNO di seluruh Malaysia adalah 3,644,925 orang dan Johor mencatatkan jumlah ahli paling ramai di Malaysia iaitu 410,667 orang (UMNO, 2019). Jumlah ahli UMNO yang ramai ini menyumbang kepada kepelbagaian terhadap perbezaan peratusan kumpulan profesional dan bukan profesional sebagai ahli UMNO di Johor.

Manakala jumlah ahli DAP pula berbeza jika dibandingkan dengan jumlah ahli UMNO, hatta jika perbandingan jumlah ahli ini dilakukan dengan jumlah ahli parti komponen BN yang berteraskan kaum Cina iaitu MCA dan GERAKAN sekalipun, jumlah ahli DAP di Johor masih jauh ketinggalan. Misalnya pada 2007, jumlah ahli MCA di Johor adalah seramai 120,667 orang dan jumlah ahli GERAKAN di Johor ialah 105,569 orang. Manakala jumlah ahli DAP hanyalah 56,528 orang sahaja (DAP, 2018). Perbezaan ketara dari segi jumlah ahli berlaku kerana DAP merupakan parti pembangkang dan sering dilabelkan oleh UMNO dan BN sebagai sebuah parti yang membawa agenda perpecahan kaum. Namun begitu, pasca PRU 12 memperlihatkan perbezaan berbanding PRU sebelum ini kerana DAP mula bertapak kukuh dalam politik Malaysia. DAP berjaya meningkatkan jumlah ahli parti itu di seluruh Malaysia, termasuk Johor dengan mendadak. Misalnya di Johor, pada 2011, jumlah ahli DAP adalah 73,658 orang meningkat kepada 150,427 orang pada 2015 dan terus meningkat kepada 180,672 orang pada tahun 2017 (DAP, 2018).

Graf Lima membincangkan perbandingan peratusan ahli UMNO dan DAP berdasarkan pembahagian ahli kepada kumpulan profesional dan bukan profesional dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14. Berdasarkan kepada graf tersebut, peratus ahli profesional DAP meningkat dengan setiap tahun, iaitu 80.6 peratus pada PRU 12, meningkat kepada 85.9 peratus pada PRU 13 dan terus meningkat kepada 92.3 peratus pada PRU 14. Peratus ahli profesional dalam DAP ini juga lebih tinggi berbanding UMNO. Pada PRU 12, ahli profesional UMNO hanya 19.4 peratus berbanding DAP iaitu 80.6 peratus. Manakala PRU 14 memperlihatkan peratus perbezaan ahli

profesional DAP jauh lebih tinggi mengatasi UMNO. Jumlah peratus ahli profesional DAP adalah 92.3 peratus, manakala UMNO, 7.7 peratus.



Sumber: Laporan Setiausaha Agung UMNO 2017, Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP 2017.

GRAF 5. Perbezaan Peratus Pecahan Ahli Kumpulan Profesional dan Bukan Profesional, UMNO dan DAP di Johor, PRU 12-14

Graf tersebut juga memperlihatkan peratus ahli bukan profesional dalam UMNO lebih tinggi berbanding DAP. Pada PRU 12, peratus ahli bukan profesional dalam UMNO adalah 71.7 peratus, manakala DAP adalah 28.6 peratus. Pada PRU 13, peratus jumlah ahli bukan profesional UMNO masih lagi mengatasi DAP iaitu 82.1 peratus, berbanding 17.9 peratus. Pada PRU 14, peratus ahli bukan profesional DAP merosot berbanding PRU 13 iaitu dari 17.9 peratus kepada 10.7 peratus. Namun begitu, kemerosotan tersebut masih jauh jika dibandingkan dengan peratus ahli bukan profesional dalam UMNO pada PRU 14 iaitu 89.3 peratus. Secara konklusi, kumpulan profesional merupakan majoriti ahli DAP di Johor. Manakala UMNO Johor pula, didominasi oleh ahli bukan profesional.

Perbezaan peratus ahli kumpulan profesional dan bukan profesional antara UMNO dan DAP ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah pengaruh dari latar belakang pemimpin tempatan. Pembawaan isu ekonomi oleh pemimpin dan calon DAP Johor berjaya menarik golongan profesional untuk menyertai parti itu. Melalui isu ekonomi yang dibawa oleh pemimpin DAP, mereka membandingkan ekonomi Malaysia dengan negara maju seperti Singapura (*Utusan Malaysia*, 2008). Misalnya Liew Chin Tong dalam ucapannya di Johor membuktikan keupayaan ekonomi Malaysia adalah seiring dengan ekonomi Singapura. Namun berlaku penguncupan kerana ketidakbolehan kepimpinan UMNO dalam melaksanakan dasar-dasar yang efektif untuk perkembangan ekonomi negara (*The Edge*, 2017). Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan ketokohan dan kebolehan pemimpin DAP dalam menguruskan ekonomi dan seterusnya menarik golongan profesional untuk menyertai parti. Oleh itu, penyertaan kumpulan profesional dalam DAP sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.

Penyertaan golongan profesional sebagai ahli UMNO tidak mendapat sambutan kerana wujudnya budaya 'ketuanan' dalam parti. Budaya ketuanan atau digelar 'warlords' oleh istilah politik ini bermaksud berpuak-puak untuk mengagungkan individu tertentu. Menurut bekas Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Mustapa Mohamed, (2000-2018) budaya 'warlords' ini semakin berkembang dalam UMNO sejak politik wang mula menular dalam parti itu (*Berita Harian*, 2021). Individu tertentu akan menggunakan kewangan untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Keadaan yang berlaku terhadap UMNO ini membataskan peluang untuk ahli baharu mengembangkan kerjaya politik kerana dihalang oleh pengaruh dari individu yang mempunyai kewangan yang kukuh dalam UMNO (Fairuz & Agus, 2022)

Selain itu, majoriti ahli UMNO Johor terdiri daripada kumpulan bukan profesional kerana penyertaan dari golongan peneroka FELDA yang ramai sebagai ahli UMNO. Mereka juga diberi gelaran 'simpanan tetap' pengundi UMNO. Kumpulan peneroka ini membantu UMNO untuk mengekalkan kemenangan besar untuk kerusi DUN di Johor dan Parlimen di peringkat Persekutuan. Jumlah peneroka FELDA di Johor adalah kedua teramai selepas Pahang. Pada 2012, seramai 592,470 orang peneroka FELDA di Johor dan jumlah ini meningkat kepada 781,924 orang pada 2017 (FELDA, 2019). Peningkatan jumlah peneroka ini secara tidak langsung meningkatkan jumlah peratusan ahli bukan profesional dalam UMNO. Pada PRU 12, sebanyak 71.7 peratus ahli bukan profesional dalam UMNO meningkat kepada 82.1 peratus pada PRU 13 dan terus meningkat kepada 89.3 peratus pada PRU 14. Menariknya tentang kecenderungan undi dari peneroka FELDA, jika seorang ketua keluarga itu menyertai UMNO, maka seluruh ahli keluarganya akan turut menyertai UMNO (Naim, Zulkanain & Fatimi, 2019). Keadaan ini menyumbangkan kepada peningkatan peratusan ahli UMNO bukan profesional yang tinggi berbanding peratusan ahli kumpulan profesional di Johor.

Ahli kumpulan profesional dan bukan profesional dalam parti ini bukan sahaja menjadi subjek utama perbezaan antara UMNO dan DAP, tetapi juga mempengaruhi keputusan PRU yang pada akhirnya membuktikan kelangsungan kedua-dua parti ini terhadap persaingan politik di Johor. Keputusan PRU 14 menyaksikan UMNO bukan sahaja tewas di peringkat negeri Johor, parti tersebut juga kehilangan penguasaan di peringkat Persekutuan. Berdasarkan kepada situasi tersebut, hanya kerusi luar bandar yang menjadi sandaran terhadap UMNO untuk terus kekal bersaing dalam politik Johor kerana parti itu tewas kesemua di kerusi bandar. Kerusi Parlimen luar bandar seperti Kota Tinggi, Pengerang, Tenggara, Sembrong dan Mersing masih sukar digugat oleh PH walaupun pelbagai strategi yang digunakan oleh mereka. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan peratusan yang tinggi terhadap pengundi bukan profesional pada PRU 14, iaitu 89.3 peratus membantu UMNO untuk terus mengekalkan penguasaan di kerusi ini (SPR, 2018).

Namun begitu, keadaannya berbeza di kerusi Parlimen di kawasan bandar. Pada PRU 13, UMNO hanya menang tipis di Parlimen Pasir Gudang iaitu majoriti 935 undi sahaja. Manakala di Parlimen Johor Bahru, UMNO menang dengan majoriti 10,134 undi pada PRU 13, jumlah ini merosot berbanding PRU 12 iaitu majoriti 25,349 undi (SPR, 2018). Pada PRU 14, UMNO tewas di semua kerusi Parlimen kawasan bandar yang ditandingi oleh parti itu seperti Johor Bahru dan Pasir Gudang. Rata-rata mereka yang bekerja sebagai kumpulan profesional yang tinggal di kawasan bandar cenderung untuk mengundi parti pembangkang. Kegagalan UMNO mendapatkan ahli daripada kumpulan profesional menyebabkan parti itu gagal memperoleh kemenangan di kerusi Parlimen kawasan bandar. Keadaan ini secara tidak langsung membuktikan, peratusan ahli profesional dan bukan profesional mempengaruhi prestasi parti yang bertanding pada pilihan raya.

Manakala DAP pula, peratusan ahli kumpulan profesional yang tinggi dalam parti itu membantu terhadap pengukuhan kedudukan di Parlimen kawasan bandar. Antara Parlimen kawasan bandar yang ditandingi oleh DAP adalah Gelang Patah. Manakala di Parlimen kawasan luar bandar, DAP hanya bertanding di kawasan Parlimen Segamat, Kulai dan Labis. Selaras dengan peningkatan ahli profesional dalam parti, kemenangan DAP di kerusi Parlimen dan DUN kawasan bandar juga meningkat. Misalnya pada PRU 12, peratus ahli profesional dalam DAP adalah 80.6 peratus meningkat kepada 85.9 peratus pada PRU 13. Peningkatan ahli kumpulan profesional ini mengukuhkan kedudukan DAP di kawasan bandar kerana parti itu memenangi empat kerusi Parlimen dan 13 kerusi DUN pada PRU 13 (SPR, 2018). Peningkatan peratusan ahli profesional dalam kalangan DAP membantu parti itu mengukuhkan kedudukan di Johor. Walaupun peratusan ahli bukan profesional DAP Johor rendah berbanding peratus ahli kumpulan profesional, namun peratusan itu tidak menjejaskan perancangan parti itu kerana keutamaan DAP adalah untuk bertanding di kawasan yang majoriti pengundinya adalah Cina dan rata-rata mereka tinggal di kawasan bandar (Yeoh, 2021).

Secara asasnya, peratusan ahli kumpulan profesional antara UMNO dan DAP ini bukan sahaja membeza kedudukan kedua-dua parti itu dalam politik di Johor, malah menentukan kelangsungan dalam persaingan pengaruh politik di Johor. Kebergantungan kelangsungan UMNO dan DAP terhadap situasi politik pada masa hadapan banyak bersandarkan kepada peratusan ahli profesional dan bukan profesional. UMNO perlu meningkatkan ahli dalam parti dalam kalangan kumpulan profesional untuk memastikan parti itu terus berada dalam persaingan politik Johor. Manakala DAP pula, mereka perlu mengekalkan peratusan ahli profesional dalam parti kerana mereka lebih banyak bertanding di kawasan bandar berbanding luar bandar.

## LOKALITI PENYOKONG

Perincian terhadap persaingan antara UMNO dan DAP memperlihatkan perbezaan antara kedua-dua parti terhadap aspek lokaliti penyokong. Lokaliti penyokong bukan sahaja menjadi ukuran terhadap prestasi parti yang bertanding pada PRU, malah menentukan kelangsungan parti itu dalam persaingan politik sama ada untuk peringkat negeri mahupun Persekutuan. Kedudukan Johor merupakan geografi yang unik di Malaysia kerana negeri ini mempunyai petempatan yang padat di kawasan bandar, kawasan campuran dan kawasan luar bandar. Selain itu, perkara yang membezakan antara Johor dan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia ialah mempunyai petempatan yang padat di kawasan bandar yang berjiran dengan negara maju iaitu Singapura (Trowell, 2023). Aspek lokaliti penyokong ini menjadi perbezaan terhadap UMNO dan DAP kerana pengaruh daripada kawasan petempatan dalam menentukan kemenangan untuk parti yang bertanding pada PRU di Johor.

Terdapat enam kerusi Parlimen kawasan bandar iaitu Parlimen Batu Pahat, Tebrau, Pasir Gudang, Johor Bahru, Pulai dan Gelang Patah. Selain Parlimen Batu Pahat, kesemua kerusi Parlimen tersebut bersempadanan dengan Singapura. Begitu juga dengan kerusi DUN, sebanyak 10 kerusi DUN di Johor dikategorikan sebagai kerusi kawasan bandar iaitu Tiram, Puteri Wangsa, Johor Jaya, Permas, Tanjong Puteri, Stulang, Pengkalan Rinting, Kempas, Skudai dan Nusa Jaya. Kesemua kerusi DUN tersebut merupakan kawasan yang bersempadanan dengan Singapura (SPR, 2018). Manakala di kawasan campuran pula merangkumi 12 kerusi Parlimen iaitu Parlimen Segamat, Sekijang, Labis, Pagoh, Ledang, Bakri, Muar, Parit Sulong, Ayer Hitam, Sri Gading, Simpang Renggam dan Kluang. Sejumlah lima kerusi Parlimen yang dikategorikan sebagai

kawasan luar bandar iaitu Parlimen Sembrong, Mersing, Kota Tinggi, Tenggara dan Pengerang (SPR, 2018).

Berdasarkan kepada pembahagian tersebut, kerusi Parlimen yang berdekatan dengan Singapura sering menjadi tumpuan kecenderungan pengundi sering berubah-ubah mengikut keadaan politik semasa. Antara kerusi Parlimen tersebut adalah Parlimen Pengerang, Tebrau, Pasir Gudang, Johor Bahru, Pulai, Gelang Patah dan Tanjong Piai. Secara tradisi, kerusi Parlimen tersebut ditandingi oleh UMNO, kecuali Parlimen Gelang Patah dan Tanjong Piai yang ditandingi oleh MCA. Walau bagaimanapun pada PRU 13, UMNO mengambil keputusan untuk bertanding di Parlimen Gelang Patah bagi menghalang kebangkitan DAP melalui pencalonan oleh bekas Menteri Besar Johor, Abdul Ghani Othman (1995-2013) (*Utusan Malaysia*, 2013). Manakala DAP pula, mereka bertanding di Parlimen Tanjong Piai dan Gelang Patah. Pada PRU 14, DAP tidak bertanding di kerusi Parlimen Tanjong Piai dan kerusi itu ditandingi oleh BERSATU. Begitu juga dengan prestasi parti yang bertanding di kerusi Parlimen yang bersempadan dengan Singapura, turut berubah-ubah mengikut keadaan politik semasa. Keadaan ini berlaku sejak PRU 12, parti pembangkang yang bertanding di Parlimen itu mula mendapat sokongan dan menggugat pengaruh UMNO dan BN di kawasan itu (Khoo Boo Teik, 2023)

JADUAL 1. Keputusan Parlimen yang Bersempadanan dengan Singapura, PRU 12 hingga PRU 14

| Bahagian Pilihan Raya | PRU 12       |          | PRU 13       |          | PRU 14       |          |
|-----------------------|--------------|----------|--------------|----------|--------------|----------|
|                       | Parti Menang | Majoriti | Parti Menang | Majoriti | Parti Menang | Majoriti |
| P157 Pengerang        | UMNO         | MTB*     | UMNO         | 22,508   | UMNO         | 11,417   |
| P158 Tebrau           | MCA          | 14,658   | MCA          | 1,767    | PKR          | 37,225   |
| P159 Pasir Gudang     | UMNO         | 17,261   | UMNO         | 935      | PKR          | 24,726   |
| P160 Johor bharu      | UMNO         | 25,349   | UMNO         | 10,134   | PKR          | 19,782   |
| P161 Pulai            | UMNO         | 20,449   | UMNO         | 3,226    | AMANAH       | 28,924   |
| P163 Gelang Patah     | MCA          | 8,851    | DAP          | 14,762   | DAP          | 44,846   |
| P165 Tanjong Piai     | MCA          | 23,615   | MCA          | 12,371   | BERSATU      | 21,255   |

\*MTB - Menang Tanpa Bertanding.

Sumber: Laporan Pilihan Raya Umum 2008, Keputusan Pilihan Raya Parlimen di Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Laporan Pilihan Raya Umum 2013, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Laporan Pilihan Raya Umum 2018, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Jadual 1 menunjukkan prestasi parti yang bertanding di Parlimen yang bersempadan dengan Singapura. Pada PRU 12, ketika negeri-negeri lain mengalami gelombang perubahan, pengaruh UMNO di Johor masih lagi kukuh. Namun begitu, PRU 13 memperlihatkan UMNO menang tipis dan mengalami kemerosotan majoriti di semua kerusi dan paling ketara, mereka hanya menang tipis di kerusi Pasir Gudang iaitu 935 undi. Selain itu, Parlimen Pulai juga mengalami kemerosotan majoriti yang ketara iaitu 20,449 undi pada PRU 12, merosot kepada 3,226 undi pada PRU 13. PRU 14 menunjukkan kedudukan UMNO di kerusi Parlimen tersebut goyah. Kesemua kerusi Parlimen yang bersempadan dengan Singapura yang ditandingi oleh UMNO mengalami kekalahan. Pada PRU 14, UMNO mengalami kekalahan di Parlimen Pasir Gudang, Johor Bahru dan Pulai dengan majoriti melebihi 10,000 undi untuk setiap kerusi. Kekalahan dengan jumlah majoriti yang besar ini menunjukkan, pengundi di kawasan yang bersempadanan dengan Singapura secara keseluruhan menolak UMNO. Keadaan ini menyumbangkan kepada kekalahan UMNO diperingkat Persekutuan dan negeri Johor.

Perubahan kecenderungan pengundian di kerusi Parlimen sempadan ini menjadi perbezaan antara UMNO dan DAP. Pengundi di kawasan ini mula cenderung kepada DAP dan parti pembangkang yang lain berbanding UMNO. Perubahan kecenderungan pengundian ini dilihat berdasarkan kepada faktor lokaliti yang berhampiran dengan Singapura. Kebanyakan pengundi di Parlimen yang bersempadan dengan Singapura bekerja di negara jiran itu. Mereka menghadapi permasalahan kesesakan di imigresen setiap kali mereka keluar dan masuk Singapura. Keadaan ini memberi tekanan terhadap mereka kerana perlu keluar rumah seawal 4.00 pagi dan tiba di rumah pada lewat malam (*Berita Harian*, 2016). Permasalahan ini tampak tidak selesai kerana tidak pernah diusahakan secara serius oleh pemimpin kerajaan.

Keadaan tersebut mendorong kumpulan pengundi yang bekerja di Singapura ini untuk mengundi parti pembangkang berbanding UMNO. Perubahan ini dikesan berlaku sejak PRU 12 dan semakin ketara pada PRU 13. Namun ketika itu, jumlah kumpulan pengundi yang bekerja di Singapura dan kecenderungan mereka untuk mengundi parti pembangkang tidak terlalu ramai. Oleh itu kesan yang berlaku terhadap kerusi yang bersempadanan dengan Singapura yang ditandingi oleh UMNO dan MCA hanya mengalami kemerosotan majoriti. Pada PRU 13, kecenderungan perubahan undi oleh pengundi di yang bekerja Singapura ini terus berlaku dan jumlah mereka untuk cenderung ke arah parti pembangkang lebih ramai berbanding PRU 12 (Mazli, Mahadee, Hasnita & Zatul, 2023).

Keadaan ini memberi kesan terhadap UMNO di Johor. Ini dapat dilihat pada kegagalan UMNO untuk menewaskan Lim Kit Siang di Parlimen Gelang Patah, mencalarakan imej parti itu sebagai sebuah parti yang paling berpengaruh. Tambahan pula, calon UMNO yang bertanding di Parlimen tersebut merupakan Menteri Besar yang paling lama berkhidmat di Johor iaitu Abdul Ghani Othman. Malah di Parlimen Pasir Gudang, UMNO hanya menang tipis iaitu majoriti 953 undi dan Parlimen Pulai mengalami kemerosotan majoriti yang ketara dari 20,449 undi pada PRU 12 kepada 3,226 undi pada PRU 13. Manakala kerusi DUN yang berhampiran dengan Singapura, iaitu Johor Jaya, Pengkalan Rinting, Skudai, Senai dan Pekan Nenas tewas kepada DAP (SPR, 2018).

Pada PRU 14, penguasaan DAP dan parti pembangkang terhadap pengundi di Parlimen yang bersempadan dengan Singapura ini memberi kesan kepada UMNO di Johor. UMNO mengalami kekalahan di semua kerusi yang menjadi sempadan antara Johor dan Singapura. Parlimen Johor Bahru, kerusi Parlimen yang menjadi lambang terhadap negeri Johor jatuh ke tangan sekutu DAP iaitu PKR. Begitu juga dengan kerusi-kerusi yang lain yang bersempadanan dengan Singapura seperti Pasir Gudang, Gelang Patah, kesemuanya dimenangi oleh pihak lawan. UMNO hanya berjaya mempertahankan kemenangan di Parlimen Pengerang sahaja kerana Parlimen itu mempunyai jumlah peneroka FELDA yang ramai, iaitu 28,560 orang (SPR, 2018).

Pada PRU 14, kekalahan UMNO didorong oleh perubahan pengundi tanpa disedari oleh pimpinan UMNO Johor. Mereka menjangkakan UMNO hanya menang tipis untuk kerusi utama itu, tetapi tidaklah sampai menanggung kekalahan. Khaled Nordin menyatakan, UMNO Johor sedar dengan perpecahan yang berlaku menyebabkan mereka perlu bertungkus lumus, namun tidak menjangkakan perpecahan itu boleh mengakibatkan UMNO kehilangan kuasa peringkat Persekutuan dan negeri Johor, apatah lagi negeri ini digelar sebagai 'kubu UMNO'.

Perubahan pengundi di kawasan sempadan secara keseluruhan pada PRU 14 ini disebabkan oleh manifesto PH tentang nasib penduduk Johor yang bekerja di Singapura. Perkara ini merupakan kali pertama dalam sejarah, apabila nasib golongan tersebut diperjuangkan. Antara pemimpin PH yang menyentuh perkara berkenaan adalah calon-calon DAP yang muda seperti Liow Cai Tung. Beliau menyatakan ingin membawa pulang belia yang bekerja di Singapura untuk

bekerja semula di Malaysia. Selain itu, beliau menyatakan, isu kesesakan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (*Customs, Immigration, Quarantine/CIQ*) merupakan perkara yang serius, namun tidak diberi perhatian oleh kerajaan (*The Edge*, 2018). Cadangan dari pemimpin PH mengenai cadangan penstrukturan semula bagi mengatasi kesesakan di Kompleks CIQ menarik minat pengundi untuk mengundi PH, sekaligus menjadikan PH menguasai undi dari golongan ini dengan lebih kukuh berbanding UMNO.

Kejatuhan kerusi yang bersempadanan dengan Singapura ini menjadi pemangkin terhadap kekalahan UMNO di Johor kerana kawasan persempadanan ini memiliki kerusi yang penting, malahan menjadi signifikan terhadap kekuatan pengaruh parti yang memenangi Parlimen ini. Malahan sebelum ini, Tun Abdul Razak pernah menyatakan bahawa kekuatan UMNO di Johor bergantung kepada kerusi Parlimen yang menjadi identiti parti ini iaitu Parlimen Johor Bahru (Weiss & Mohd. Faisal, 2021). Oleh itu kekalahan UMNO di kerusi ini menjadi signifikan terhadap kehilangan pentadbiran negeri ini kepada PH.

Walaupun bagaimanapun, pengaruh UMNO di kawasan luar bandar di Johor masih sukar digugat oleh parti pembangkang. Pengundi di kawasan luar bandar merupakan penyokong tegar terhadap UMNO sejak PRU 1 (1959) diadakan sehingga PRU 14. Sepanjang tempoh PRU 1 hingga PRU 12, pengaruh UMNO dalam kalangan pengundi luar bandar di Johor sukar digugat. Walaupun PRU 12 memperlihatkan perubahan terhadap kecenderungan pengundian di kawasan-kawasan bandar, namun kecenderungan pengundian di kawasan luar bandar masih lagi kekal dengan UMNO (SPR, 2018). Parti itu masih lagi memenangi kerusi yang ditandingi dengan majoriti yang selesa. Ini dapat dilihat pada keputusan yang dicatatkan oleh UMNO untuk Parlimen Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi dan Pengerang, parti itu menang dengan selesa iaitu melebihi 5,000 majoriti untuk setiap kerusi pada PRU 14 (SPR, 2018).

Walaupun pada PRU 13, terdapat perubahan terhadap kecenderungan pengundian di kawasan bandar, namun pengundi di luar bandar tetap masih lagi memberi sokongan padu terhadap UMNO. Namun begitu, PRU 14 memperlihatkan perubahan oleh pengundi di Johor sehingga menyebabkan UMNO kehilangan kuasa untuk peringkat negeri Johor dan Persekutuan. Untuk kerusi di kawasan luar bandar, UMNO masih lagi mengekalkan kemenangan walaupun mengalami kemerosotan majoriti. Misalnya di Parlimen Sembrong, kerusi yang ditandingi oleh tokoh berpengaruh iaitu Hishamuddin Hussein mengalami kemerosotan majoriti iaitu 6,662 undi pada PRU 14 berbanding 10,631 undi pada PRU 13. Begitu juga dengan kerusi lain iaitu Parlimen Mersing, Tenggara dan Kota Tinggi kesemuanya mengalami kemerosotan majoriti berbanding PRU 13 (SPR, 2013).

Berdasarkan kepada prestasi itu, ianya menggambarkan kedudukan UMNO di kawasan luar bandar sukar untuk digugat. Walaupun begitu, DAP berusaha menyekat pengaruh UMNO di kawasan luar bandar melalui pengukuhan mereka di kerusi yang berdekatan dalam usaha untuk meningkatkan pengaruh mereka. Misalnya di mana DAP memberi tumpuan untuk memenangi Parlimen Labis, Ayer Hitam dan Kluang iaitu kerusi yang terletak di kawasan campuran bandar luar bandar. Ketiga-tiga kerusi Parlimen ini bersempadan dengan Parlimen Sembrong dan Mersing. Hasilnya DAP peroleh kemenangan di Parlimen Labis, Kluang dan Kulai dan dalam masa yang sama, mereka berjaya mengurangkan majoriti di Parlimen Sembrong, Tenggara dan Mersing (SPR, 2018).

Secara asasnya, lokaliti penyokong DAP dan parti pembangkang tertumpu di Parlimen yang terletak di kawasan bandar, terutamanya di kerusi Parlimen yang berdekatan dengan Singapura. Manakala UMNO, tumpuan terhadap pengaruh dan lokaliti penyokong tegar parti itu adalah di kerusi Parlimen yang terletak di kawasan luar bandar. DAP mengukuhkan kedudukan di

kawasan bandar terlebih dahulu untuk menyebarkan pengaruh mereka di kawasan luar bandar dan kerusi campuran bandar dan luar bandar. Sekiranya DAP dan parti komponen PH ingin kukuh di Johor, mereka perlu berusaha untuk menguasai undi dari luar bandar.

## KESIMPULAN

Secara konklusinya, perbezaan yang berlaku antara UMNO dan DAP di Johor bukan sahaja disebabkan oleh kedua-dua parti ini berada di pihak yang berlainan, iaitu UMNO mewakili parti kerajaan, manakala DAP mewakili parti pembangkang. Perbezaan antara kedua-dua parti ini jauh melangkaui hal tersebut, terutamanya terhadap perkara melibatkan persaingan dari segi pengundi dan penyokong. Perbezaan terhadap kedua-dua aspek ini diterjemahkan melalui keputusan pilihan raya yang pada akhirnya menentukan kelangsungan UMNO dan DAP di Johor sepanjang penglibatan kedua-dua parti itu pada PRU. Perbezaan-perbezaan ini yang mempengaruhi tindakan UMNO dan DAP dalam pilihan raya dan menjadi penentuan terhadap keputusan PRU yang dicapai oleh kedua-dua parti ini. Keadaan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa, perbezaan antara kedua-dua parti ini bukan sahaja mempengaruhi keputusan pilihan raya, malah memainkan peranan dalam menentukan pengaruh penglibatan kedua-dua parti ini dalam politik Johor.

## RUJUKAN

- Berita Harian*. 27 Mac 2021.  
*Berita Harian*. 15 November 2021.  
Bose R. 2021. *Final Reckoning: An Insider's View of the Fall of Malaysia's Barisan Nasional Government*, London: Penguin House Pte. Ltd.  
Gomez E. T. & Mohamed Nawab Mohamed Osman. 2019. *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall Intra-Elite Feuding in the Pursuit of Power*, London: Taylor & Francis.  
Govindasamy, A. R. 2021. *From Pakatan Harapan to Perikatan Nasional A Missed Opportunity for Reforms for East Malaysia?* Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.  
Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.153 Sembrong, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.  
Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.154 Mersing, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.  
Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.159 Pasir Gudang, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.  
Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.161 Pulau, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.  
Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.164 Pontian, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.  
Kevin Zhang, John Choo dan Fong Sok Eng. 2021. *The Democratic Action Party in Johor: Assailing the Barisan Nasional Fortress*, Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.  
Khoo Boo Teik. 2023. *The Unrealized Mahathir-Anwar Transitions Social Divides and Political Consequences*, Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.  
Laporan Mesyuarat Jawatankuasa DAP Johor 2018.  
Laporan Pilihan Raya Umum 2008, Keputusan Pilihan Raya Parlimen di Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

- Laporan Pilihan Raya Umum 2013, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Laporan Pilihan Raya Umum 2018, Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Laporan Setiausaha Agung UMNO 2017
- Laporan Setiausaha Agung UMNO 2019.
- Laporan Statistik Pendero Berdaftar FELDA di Johor, 2019.
- Lee Hock Guan dan Nicholas Chan. 2018. *Electoral Politics and the Malaysian Chinese Association in Johor*, Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.
- Madhi Hassan dan Hamdan Mohd Salleh. 2021. “PRU-14: Berakhirnya Era Kegemilangan Konsosiasionalisme”, *Selangor Humaniora Review*, 5(1), 303-318.
- Mazli Mamat, Mohd Mahadee Ismail, Ku Hasniata Ku Samsu & Zatul Hikmah Adnan, Budaya Politik dalam Kalangan Pengundi Luar Kelantan di Lembah Klang Pasca PRU ke-14, *Akademika* 93(3), 2023: 53-67, Bangi: Penerbit UKM.
- Mohamad Fairuz Mat Ali & Mohammad Agus Yusoff, Malaysian Political Development in the Era of Najib Razak, *Akademika* 92(1), 2022: 3-15, Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Irwan Syazli Saidin dan Balqis Bazilah Othman. 2021. Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-12: Satu tinjauan menerusi perspektif Etnosentrisme, *Akademika* 91(3), 2021: 53-62, Bangi: Penerbit UKM.
- Muhammad Naim Fakhirin, Zulkanain Abdul Rahman dan Fatimi Hanafi. 2019. *Prestasi UMNO di Kerusi Parlimen Kawasan FELDA, Johor Pada PRU-14*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ong Kian Ming. 2024. *Scrutinizing the DAP's Success in the 2023 Malaysian State Elections*, Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.
- Ostwald K. 2018. “Electoral Boundaries in Malaysia’s 2018 Election Malapportionment, Gerrymandering and UMNO’s Fall” in Edmund Terence Gomez, Mohamed Nawab Mohamed Osman (ed), *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding in the Pursuit of Power*, New York: Routledge Inc.
- The Edge*. 19 Disember 2017.
- The Edge*. 30 April 2018.
- Tricia Yeoh, 2021. *Will Pakatan Harapan's Hold on Selangor Continue?* Singapore: NUS Press.
- Trowell, M. 2023. *Anwar Triumphs: The ascent of Malaysia's Tenth Prime Minister against all odds*, London: Marshall Cavendish International Asia Pte Ltd.
- Utusan Malaysia*. 10 Mac 2008.
- Utusan Malaysia*. 11 April 2013.
- Welsh B. 2022 *The End of Umno? Essays on Malaysia's Former Dominant Party*, Kuala Lumpur: Strategic Information and Research Development Centre, 2022.
- Weiss, M. L. dan Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis. 2021. *Towards a New Malaysia? The 2018 Election and Its Aftermath*, Singapore: NUS Press.

Muhammad Naim Fakhirin Rezani  
Jabatan Kenegaraan dan Keusahawanan  
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia  
Emel: [naim\\_fakhirin@yahoo.com](mailto:naim_fakhirin@yahoo.com)